

Dr Hassan Basri TNC baru USIM

Nilai: Pengarah Akademi Pendidikan dan Sekolah Makmal Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan dilantik Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baru.

Pelantikan bermula 15 Jun itu dibuat Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi tempoh tiga tahun sehingga 14 Jun 2018, menggantikan Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah yang bersara pada 15 April lalu.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik USIM Mohd Zaini Othman berkata, Hassan Basri, 53, berkeputusan Sarjana Muda (Kepujian) Universiti Kuwait pada 1987, Sarjana (Kesusasteraan) Universiti St Andrews, Scotland (1992) dan mendapat Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Edinburgh, Scotland (2000).

Katanya, antara kerjaya awal beliau ialah bertugas sebagai penterjemah Kedutaan Malaysia di Kuwait dan pembantu penyelidik Kuwait Zakat House.

"Sebagai ahli akademik,



DR Hassan Basri

beliau memulakan tugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya dari 1987 hingga 2007 sebelum dilantik sebagai Pengarah Jabatan Pelajaran dan kemudian berkhidmat di University Cairo Mesir (2007-2011).

"Sekembalinya ke Malaysia, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI. Beliau aktif dalam penulisan ilmiah dan berjaya menghasilkan lebih 30 buku dan 20 jurnal akademik serta prosiding yang diterbitkan di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

"Beliau juga aktif mem-

beri konsultansi sebagai pensyarah pelawat, penilai luar dan ahli lembaga penasihat akademik kepada beberapa institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, Hassan Basri turut memegang beberapa jawatan termasuk Ahli Majlis Perundingan Islam (MPI), Ketua Panel Menggubal Kurikulum Bahasa Arab bagi Sekolah Agama di Malaysia, Ahli Lembaga Pendidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Yayasan Fulbright, Amerika Syarikat.

Mohd Zaini berkata, beliau juga aktif dalam Askar Wataniah sebagai Pegawai Memerintah (Kehormat) Batalion 516, Regimen Askar Wataniah Malaysia dan pernah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Setia oleh Kementerian Pertahanan pada 2006.

Katanya, pengurusan USIM merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Mohamed Asin sepanjang berkhidmat dengan penuh komited dan dedikasi bersama USIM.